KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH

# K@MPoI

**Kedah Academic Master Plan of Intervention**

## Pendidikan Islam

# SKEMA JAWAPAN

# MODUL MUMTAZ
# SET 1
# SPM 2022

## PERATURAN PEMARKAHAN

## PENDIDIKAN ISLAM KERTAS 1

## ( 1223/1 )

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

| AMARAN |
|---|
| Peraturan Pemarkahan ini **SULIT dan Hak Cipta MPSM KEDAH** Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa jua bentuk penulisan dan percetakan. |

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 8 halaman bercetak.

**1223/1(PP)** © 2022 Hak Cipta JU SPI Kedah

| No. | Soalan | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 1 | (a) | (i) | Maksud dakwah ialah menyeru supaya melakukan perkara yang diperintah oleh Allah SWT /1m dan meninggalkan larangannya./1m | 1 isi x 2m<br>=2m |
| | | (ii) | **Dua** pendekatan dalam menyampaikan dakwah ialah :<br>- Dengan cara berhikmah<br>- Memberi nasihat / pengajaran yang baik<br>- Berbahas dengan cara yang baik | 2 isi x 1m<br>=2m |
| | | (iii) | **Dua** pengajaran daripada ayat di atas ialah :<br>- Kita hendaklah menyampaikan dakwah /1m agar Islam berkembang ke seluruh pelusuk dunia/1m<br>- Kita hendaklah menggunakan pendekatan yang terbaik dalam berdakwah /1m supaya orang lain dapat menerima Islam. /1m<br>- Kita hendaklah menyampaikan dakwah dengan cara yang berhikmah /1m agar Islam dipandang mulia./1m<br>- Kita hendaklah beramal soleh /1m supaya menjadi contoh kepada orang lain. /1m<br>- Kita hendaklah menjadikan Islam sebagai cara hidup/1m supaya diredhai Allah SWT. /1m | 2 isi x 2m<br>=4m<br>1 isi =1m<br>1huraian<br>=1m |
| 1 | (b) | (i) | Maksud perkataan bergaris ialah :<br>-راع :pemimpin<br>-الخادم:pekerja | 2 isi x 1m<br>=2m |
| | | (ii) | **Dua** tanggungjawab pemimpin ialah :<br>- Berlaku adil dan menghapuskan kezaliman.<br>- Menegakkan syariat Islam yang sebenar.<br>- Menyusun sistem pentadbiran yang cekap dan amanah.<br>- Menyediakan infrastruktur yang lengkap untuk kemudahan rakyat.<br>- Bersikap toleransi terhadap orang bawahan. | 2 isi x 2m<br>=4m |
| | | (iii) | Pekerja yang bertanggungjawab adalah bekerja mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh majikannya.<br><br>Buktikan bahawa pernyataan di atas dapat mengharumkan nama umat Islam.<br><br>Cadangan isi:<br>- Urusan kerja umat Islam akan mendapat pujian.<br>- Hasil kerja yang bermutu.<br><br>Contoh jawapan:<br><br>Prestasi kerja umat Islam akan meningkat.(I) Hal ini kerana mereka akan melaksanakan tugas dengan sempurna seperti kehendak majikan(H). Kesannya kehidupan mereka akan berjaya(HL). Kesimpulannya kita hendaklah sentiasa memikul tanggungjawab dengan baik agar dirahmati Allah SWT/(K). | 4 markah |

<table>
<tr>
<td></td>
<td>(c)</td>
<td></td>
<td>Hukum dan cara bacaan qalqalah dalam ayat di bawah:
<table>
<tr><td>Bil.</td><td>Hukum</td><td>Cara bacaan</td></tr>
<tr><td>1.</td><td>Qalqalah Sughra</td><td>Bunyi lantunan yang rendah</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Qalqalah Kubra</td><td>Bunyi lantunan yang kuat</td></tr>
</table>
Catatan:<br>-Hukum betul, cara baca betul = 2m.<br>-Hukum betul cara baca salah = 1m.<br>-Hukum salah, cara baca betul = 0m.</td>
<td>1 isi x 2m =2m<br><br>1 hukum = 1m<br>1 cara baca = 1m</td>
</tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 2 | (a) | (i) | Maksud Allah SWT bersifat al-Raqib ialah:<br>Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah Maha Mengawasi semua perbuatan dan keadaan makhluk./2m | 1 isi x 2m<br>**=** 2m |
| | | (ii) | **Dua** bukti Allah SWT bersifat dengan al-Raqib ialah:<br>- Allah SWT sentiasa mengawasi hubungan manusia dengan Allah SWT samada patuh kepada perintah dan larangan-Nya<br>- Allah SWT sentiasa mengawasi hubungan manusia sesama manusia | 2 isi x 2m<br>= 4m |
| | | (iii) | **Dua** kesan beriman dengan Allah SWT bersifat al-Raqib terhadap individu ialah:<br>- Sentiasa berwaspada dalam semua keadaan zahir dan batin/1M kerana tiada satu pun yang akan terlepas daripada pandangan Allah SWT./1M<br>- Sentiasa berhati-hati dalam setiap Tindakan/1M kerana yakin Allah SWT sedang mengawasi setiap gerak geri./1M<br>- Sentiasa berusaha melakukan perintah Allah SWT / menjauhi larangan-Nya/1M kerana merasakan Allah SWT sentiasa memerhati./1M | 2 isi x 2m<br>= 4m<br><br>1 isi =1m<br>1 huraian =1m |
| | (b) | (i) | **Dua** nama lain golongan Ahli Sunnah wal Jamaah ialah :<br><br>- Al-Salafus Soleh<br>- Al-Asya'irah<br>- Al-Maturidiyah<br>- Ahlul Hadis | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | | (ii) | **Dua** prinsip Syiah yang bertentangan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah.ialah :<br>- Meyakini bahawa al-Imamah merupakan rukun agama/1m dan telah ditentukan oleh Allah SWT melalui lisan rasul-Nya secara Nas./1m<br>- Meyakini bahawa imam-imam adalah maksom,/1m iaitu terpelihara daripada dosa kecil dan besar./1m<br>- Menyanjung Saidina Ali RA secara keterlaluan/1m sehingga disamakan dengan Rasulullah SAW./1m<br>- Mengamalkan at-taqiyyah/1m iaitu menyembunyikan sesuatu yang boleh membahayakan diri atau harta bendanya dengan menempatkan sesuatu yang berbeza dengan hakikat sebenarnya./1m<br>- Menambah nama Saidina Ali RA dalam syahadah/1m selepas nama Nabi Muhammad SAW./1m | 2 isi x 2m<br>= 4m<br>1 isi =1m<br>1 huraian =1m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (iii) | Pandangan golongan di bawah berkaitan isu pelaku dosa besar ialah :<br><br>a) Ahli Sunnah Wal Jamaah :<br>Pelaku dosa besar tetap dikira sebagai mukmin bukan kafir dan dihukum fasik jika tidak bertaubat.<br><br>b) Khawarij:<br>Pelaku dosa besar dianggap kafir. | 2 isi x 2m = 4m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 3 | (a) | (i) | **Dua** unsur yang diharamkan dalam muamalat Islam ialah:<br>- Riba<br>- Judi<br>- Qharar<br>- Dharar | 2 isi x 1m = 2m |
| | | (ii) | **Dua** matlamat pensyariatan muamalat dalam Islam ialah:<br>- Menunjukkan keadilan Allah SWT dalam mengatur urusan kehidupan manusia.<br>- Menjaga kepentingan penjual dan pembeli serta penyewa dan pemiliknya.<br>- Mendapat keredaan Allah SWT kerana melakukan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya dalam urusan harian.<br>- Mengiktiraf pemilikan harta melalui akad yang sah.<br>- Segala urusan dalam muamalat Islam bertetapan dengan matlamat syariat. | 2 isi x 2m = 4m |
| | | (iii) | Ramalkan apa yang akan berlaku sekiranya umat Islam tidak melaksanakan muamalat Islam.<br><br>Cadangan isi :<br>- Berlaku pergaduhan.<br>- Mendapat kemurkaan Allah SWT.<br><br>Contoh jawapan :<br><br>Umat Islam yang tidak melaksanakan muamalat Islam akan memilki harta yang tidak sah(I) kerana mendapatkan harta melalui cara yang diharamkan oleh syarak(H). Kesannya, harta yang diperoleh tidak mendapat keberkatan daripada Allah SWT kerana melakukan larangan-Nya(HL). Kesimpulannya, Islam menyediakan peraturan tertentu dalam urusan pemilikan harta agar dapat menghindari perkara yang tidak diingini.(K) | 4 markah |
| | (b) | (i) | Maksud perkahwinan ialah:<br>Akad yang menghalalkan persetubuhan/1m antara lelaki dengan perempuan menurut hukum syarak./1m | 1isi x 2m =2m |
| | | (ii) | **Dua** hikmah perkahwinan ialah:<br>- Memenuhi tuntutan batin/1m yang memenuhi fitrah manusia./1m<br>- Memelihara diri daripada keruntuhan akhlak dan pelbagai gejala sosial /1m yang boleh mencemarkan maruah./1m<br>- Memelihara keturunan yang baik/1m untuk generasi akan datang.1m<br>- Mewujudkan ketenangan jiwa/1m melalui cinta yang halal./1m<br>- Menghindari perbuatan seks secara bebas/1m yang boleh membawa jangkitan penyakit./1m | 2 isi x 1m = 4m<br><br>1 isi = 1m<br>1huraian = 1m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (iii) | Hukum dan alasan bagi masalah di bawah:<br><br>(a) Hukum : Sah<br>Alasan : Mahar hanya sunat dilafazkan/ disebut dalam akad.<br>(b) Hukum : Tidak sah<br>Alasan : Kelayakan wali dan bakal suami berkekalan sehingga selesai akad.<br><br>Catatan:<br>Hukum betul, alasan betul = 2m.<br>Hukum betul. alasan salah = 1m.<br>Hukum salah, alasan betul = 0m. | 2 isi x 2m = 4m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 4 | (a) | (i) | **Dua** orang khalifah dalam pemerintahan Khulafak al-Rasyidin ialah:<br>- Abu Bakar As-Siddiq<br>- Umar Bin Al-Khattab<br>- Uthman Bin Affan<br>- Ali Bin Abi Talib | 2 isi x1m = 2m |
| | | (ii) | **Dua** pencapaian pemerintahan Khulafak al-Rasyidin dari aspek pendidikan ialah:<br><br># Khalifah Abu Bakar As-Siddiq<br>- Mengumpul dan menulis semula naskhah al-Quran susulan 70 orang penghafaz al-Quran syahid dalam peperangan Yamamah<br><br># Khalifah Umar Bin Al-Khattab<br>- Menubuhkan sekolah iaitu al-Kuttab yang dikhususkan untuk kanak-kanak<br><br># Khalifah Uthman Bin Affan<br>- Menyelaraskan bacaan ( qiraah ) dan penulisan mashaf al-Quran menggunakan bahasa Quraisy dengan nama Mashaf Uthmani | 2 isi x 2m = 4m |
| | | (iii) | **Dua** iktibar daripada pemerintahan Khulafak al-Rasyidin:<br>- Kita hendaklah mencontohi kepimpinan khalifah/1m dengan mengutamakan kesejahteraan agama, rakyat dan negara./1m<br>- Kita hendaklah menggiatkan usaha dakwah/1m agar kebenaran Islam dapat disebarkan./1m<br>- Kita hendaklah mengukuhkan perpaduan umat Islam/1m dengan memelihara hak antara satu sama lain./1m<br>- Kita hendaklah menyumbang kepakaran/1m untuk pembangunan dan kemajuan negara./1m<br>- Kita hendaklah mengamalkan akhlak yang terpuji/1m agar menjadi contoh teladan yang baik./1m<br>- Kita hendaklah menyokong kegiatan ekonomi umat Islam/1m supaya umat Islam dihormati./1m | 4 markah |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (b) | | Pilih satu daripada tokoh berikut :<br>(a) Imam Al-Syafei<br>(b) Salahuddin al-Ayyubi | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | | (i) | Riwayat hidup tokoh secara ringkas ialah:<br>(a) Imam al-Syafei<br>- Nama penuh : Muhammad bin Idris Al-Syafei<br>- Tarikh Lahir : 150 hijrah<br>- Tempat Lahir : Ghazzah<br>- Tarikh wafat : 204 hijrah<br>- Kuniyyah : Abu Abdullah<br>- Keperibadian :<br>- Sanggup tinggal bersama-sama dengan kaum Arab Badwi demi menguasai Bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan Arab.<br>- Sanggup bermusafir jauh demi kecintaan terhadap ilmu.<br>- Berani menegakkan kebenaran ketika difitnah oleh puak syiah dan ketika berdepan dengan Khalifah Harun al-Rasyid.<br>- Sangat pemurah kepada fakir miskin walaupun hidupnya sederhana.<br>- Tinggi sifat warak dan kuat beribadah.<br><br>- Guru yang tersohor<br>- Imam Malek bin Anas<br>- Suffian bin Uyainah<br>- Muslim Khalid al-Zanji<br><br>(b) Salahuddin al-Ayyubi :<br>- Nama penuh : Yusuf bin Ayub bin Syazi<br>- Tarikh lahir : 532 hijrah<br>- Tarikh meninggal dunia : 589 hijrah<br>- Jawatan : Pemerintah kerajaan al-Ayubiyyah<br>- Ketinggian akhlak :<br>- Menghormati para ulamak<br>- Berani mempertahankan agama<br>- Perihatin terhadap kebajikan rakyat<br>- Guru tersohor<br>- Ali bin al-Hassan<br><br>Catatan:<br>-Pilih satu tokoh sahaja.<br>-Hanya 1 jawapan keperibadian sahaja diterima.<br>-Hanya 1 jawapan guru tersohor sahaja diterima. | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | **Dua** ketinggian akhlak tokoh ialah :<br>(a) Imam al-Syafei<br>- Sanggup tinggal bersama-sama dengan kaum Arab Badwi demi menguasai Bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan Arab.<br>- Sanggup bermusafir jauh demi kecintaan terhadap ilmu.<br>- Berani menegakkan kebenaran ketika difitnah oleh puak syiah dan ketika berdepan dengan Khalifah Harun al-Rasyid.<br>- Sangat pemurah kepada fakir miskin walaupun hidupnya sederhana.<br>- Tinggi sifat warak dan kuat beribadah.<br><br>(b) Salahuddin al-Ayyubi<br>- Menghormati para ulamak<br>- Berani mempertahankan agama<br>- Perihatin terhadap kebajikan rakyat<br><br>Catatan :<br>-Jawapan mesti berkaitan tokoh yang sama bagi soalan (i) | 2 isi x 2m<br>= 4m |
| | | (iii) | Kehebatan tokoh-tokoh Islam masa lampau boleh dijadikan contoh kepada pelajar untuk menjadi seorang yang cemerlang. Huraikan.<br><br>Cadangan isi:<br>- Menuntut ilmu yang bermanfaat dan berfaedah<br>- Sentiasa berani menegakkan kebenaran<br>- Menanam semangat cintakan negara<br><br>Contoh jawapan:<br><br>Pelajar sentiasa menuntut ilmu yang bermanfaat serta berfaedah dalam kehidupan harian.(I). Hal ini kerana dengan rajin menuntut ilmu akan memberi impak yang besar masa depan negara.(H) Kesannya negara kita akan melahirkan ramai pakar dalam bidang masing-masing.(HL) Konklusinya, kita hendaklah istiqamah dalam menuntut ilmu demi kemajuan sesebuah negara.(K) | 4 markah |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 5 | (a) | (i) | Pengertian bersikap benar ialah:<br>Tidak berdusta dari segi perkataan , perkhabaran dan perbuatan./2m | 1 isi x 2m<br>= 2m |
| | | (ii) | **Dua** contoh sikap benar Rasulullah ialah:<br>- Rasulullah SAW menyampaikan wahyu Allah SWT kepada umat manusia dengan bersifat benar.<br>- Baginda tidak menokok tambah ayat yang disampaikan<br>- Ajaran islam yang disebarkan tidak mengikut kehendak dan pendapat peribadi.<br>- Rasulullah SAW sentiasa bersikap benar walaupun ketika sedang bergurau. | 2 isi x 2m<br>= 4m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (iii) | Berita mengenai kandungan yang dianggap berita palsu.<br><br>Bagaimanakah cara menangani masalah di atas. Huraikan.<br><br>Cadangan isi :<br>- Menyiasat sebelum menyebar.<br>- Menguatkuasakan undang-undang.<br>- Menegur rakan-rakan yang suka menyiarkan berita palsu.<br><br>Contoh jawapan:<br><br>Cara untuk menangani aduan berita palsu ialah dengan sentiasa menyiasat sesuatu berita terlebih dahulu(I). Hal demikian adalah supaya dapat memastikan kesahihan berita tersebut(H) Kesannya ia dapat mengelakkan berita palsu terus tersebar.(HL) Kesimpulannya, kita hendaklah sentiasa menyelidik setiap berita yang tersebar supaya tidak menyebarkan fitnah.(K) | 4 markah |
| | (b) | (i) | Maksud tawaduk ialah:<br>Sikap kerendahan hati kepada Allah SWT/1m dan sesama manusia./1m | 1 isi x 2m = 2m |
| | | (ii) | **Dua** contoh sifat tawaduk Rasulullah SAW yang boleh dicontohi oleh pelajar ialah :<br>- Tawaduk dalam pergaulan dengan menghormati / menyayangi kanak-kanak/ tidak sombong.<br>- Tawaduk dalam kehidupan rumahtangga dengan membantu isteri melayani dan menguruskan rumahtangga.<br>- Tawaduk ketika makan / minum dengan tidak mencela makanan yang tidak disukai. | 2 isi x 2m = 4m |
| | | (iii) | **Dua** hikmah mengamalkan sifat tawaduk kepada individu ialah :<br>- Membentuk insan yang bertaqwa/1m kerana sentiasa mengamalkan sifat mahmudah./1m<br>- Dikasihi masyarakat/1m kerana tidak bersikap sombong./1m<br>- Mendapat kedudukan yang mulia di sisi Allah SWT/1m kerana sentiasa bersyukur./1m<br><br>Mana-mana jawapan munasabah diterima. | 2 isi x 2m = 4m<br>1 isi = 1m<br>1 huraian = 1m |

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

# MODUL MUMTAZ

# SET 2

# SPM 2022

## PERATURAN PEMARKAHAN

## PENDIDIKAN ISLAM KERTAS 1

## ( 1223/1 )

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

| **AMARAN** |
|---|
| Peraturan Pemarkahan ini **SULIT dan Hak Cipta MPSM KEDAH** Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa jua bentuk penulisan dan percetakan. |

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 1 | (a) | (i) | Sebab turun ayat :<br>- Para sahabat memandang rendah kepada Bilal bin Rabah apabila Rasulullah memintanya melaungkan azan. /1m Malaikat Jibril telah memberitahu Rasulullah tentang perkara tersebut lalu memanggil mereka dan turunlah ayat ini. /1m | 1 isi x 2m =2m |
| | | (ii) | **Dua** keutamaan takwa kepada manusia ialah :<br>- Manusia adalah sama di sisi Allah SWT.<br>- Allah memandang kepada hati dan amalan hambanya bukan kepada jantina atau bangsa.<br>- Menunaikan hak sesama manusia walaupun berbeza kaum dan budaya.<br>- Yakin akan kekuasaan Allah SWT melalui penciptaan makhluk. | 2 isi x 2m =4m |
| | | (iii) | **Dua** pengajaran daripada ayat di atas ialah :<br>- Kita hendaklah saling mengenali antara satu sama lain walaupun berbeza bangsa dan agama /1m agar Islam dapat dikembangkan/1m<br>- Kita hendaklah menjauhi sifat taasub antara kaum /1m kerana ianya boleh menjauhkan orang bukan Islam daripada agama Islam.<br>- Kita hendaklah berusaha membaiki akhlak /1m supaya menjadi insan bertakwa./1m | 2 isi x 2m =4m<br><br>1isi = 1m<br>1Huraian = 1m |
| | (b) | (i) | Maksud makan riba ialah pertambahan bayaran dalam urusan pertukaran barang / hutang piutang./2m | 1 isi x 2m = 2m |
| | | (ii) | Contoh perbuatan makan riba ialah:<br>- Hutang yang menetapkan faedah bayaran dengan peratusan tertentu./2m | 1 isi x 2m = 2m |
| | | (iii) | KBAT :<br><br>Firman Allah SWT :<br>“Wahai orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dan tinggalkanlah saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang yang beriman”.<br>( Surah al-Baqarah : ayat 278 )<br><br>Berdasarkan maksud ayat, mengapakah peringatan Allah SWT di atas masih berlaku dalam kalangan umat Islam masa kini? Huraikan.<br><br>Cadangan isi :<br>- Segelintir umat Islam ingin cepat peroleh keuntungan.<br>- Segelintir umat Islam tamak haloba.<br>- Tidak bersyukur dengan apa yang dimiliki.<br>- Masyarakat jahil tentang penghukuman pengambilan riba.<br>- Sistem ekonomi yang terpengaruh dengan budaya barat. | 4 markah |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | Contoh jawapan:<br><br>Segelintir umat Islam yang mengamalkan riba ini adalah disebabkan imannya yang lemah(I). Hal ini kerana iman yang lemah memudahkan syaitan menggoda seseorang manusia itu(H). Kesannya ialah, umat Islam masa kini tergoda mengambil jalan mudah dengan mengamalkan riba bagi mendapat keuntungan yang cepat.(HL) Kesimpulannya kita hendaklah sentiasa mendalami ilmu agama agar kehidupan lebih terjamin di dunia dan akhirat (K). | |
| | (c) | | Cara bacaan bagi tanda wakaf berikut :<br>a) قُلِ ٱللَّهُ يَهۡدِي لِلۡحَقِّۗ<br>Waqaf lebih utama.<br>b) عَلَىٰٓ أَن تَأۡجُرَنِي ثَمَٰنِيَ حِجَجٖۖ<br>Wasal lebih utama. | 2 isi x 1m<br>= 2m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 2 | (a) | (i) | **Dua** ciri kesesatan dari aspek ibadah :<br><br>- Menolak kewajipan ibadah fardu.<br>- Beribadat dengan hanya berzikir menggantikan solat.<br>- Menunaikan ibadat haji di tempat yang dianggap suci selain Makkah al-Mukarramah.<br>- Menghalalkan perzinaan atas nama nikah. | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | | (ii) | **Dua** kesan melakukan ajaran sesat dari aspek politik ialah:.<br><br>- Akan menggugat kestabilan politik/1m akibat tindakan keganasan oleh golongan sesat./1m<br>- Menggugat keharmonian politik/1m kerana taasub kepada pemimpin ajaran sesat./1m<br><br>Mana-mana jawapan munasabah diterima. | 2 isi x 2m<br>= 4m<br><br>1 isi =1m<br>1Huraian =1m |
| | | (iii) | Maksud hadis<br><br>“ Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara yang kamu tidak akan sesat sekiranya berpegang dengannya, Kitab Allah dan sunnah nabinya”<br>Ramalkan keadaan umat Islam jika mengabaikan peringatan hadis di atas.<br><br>Cadangan isi :<br>- Melemahkan Iman dan merosakkan akidah umat Islam.<br>- Menjatuhkan imej umat Islam.<br>- Menggugat kestabilan politik umat Islam akibat tindakan keganasan.<br>- Memutuskan hubungan silaturrahim dan persaudaraan Islam. | 4m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | Contoh jawapan :<br><br>Pengikut ajaran sesat akan semakin bertambah.(I) Hal ini kerana mereka menolak isi kandungan al-Quran dan hadis.(H) Kesannya wujud perbezaan pendapat yang akan menjejaskan keharmonian dalam masyarakat.(HL) Sebagai umat Islam, kita hendaklah menjadikan al-Quran dan hadis sebagai panduan hidup agar berjaya di dunia dan akhirat.(K) | |
| | (b) | (i) | Maksud al-Syahid ialah nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah Maha Menyaksikan/1m segala perbuatan dan mendengar segala ucapan makhluk serta tiada sesuatu pun yang tersembunyi daripadaNya./1m<br><br>Catatan :<br>Keratan satu wajib ada. | 1isi x 2m<br>= 2m |
| | | (ii) | **Dua** bukti Allah SWT bersifat al-Syahid ialah:<br><br>- Allah menjadi saksi bahawa Rasulullah SAW telah diutuskan ke atas umat-Nya.<br>- Allah maha menyaksi dan menghitung segala amal perbuatan manusia ketika hidup di dunia.<br>- Allah sahaja yang menjadi saksi atas segala perkara sama ada yang nyata atau yang tersembunyi.<br>- Allah SWT menjadi saksi ke atas pembohongan orang-orang munafik. | 2 isi x 2m<br>= 4m |
| | | (iii) | **Dua** kesan terhadap seseorang yang beriman dengan nama Allah SWT al-Syahid ialah:<br><br>- Dia akan sentiasa berwaspada dalam setiap tindakan/1m kerana yakin Allah SWT menyaksikan semua perkara/1m sama ada yang nyata atau tersembunyi.<br>- Seseorang akan berusaha meningkatkan keimanan / ketakwaan kepada Allah SWT dan RasulNya/1m supaya selamat ketika di dunia dan akhirat./1m<br>- Dia sentiasa melakukan perintahNya / dan menjauhi laranganNya/1m kerana setiap amalan manusia akan dihitung oleh Allah SWT./1m | 2 isi x 2m<br>= 4m<br>1 isi = 1m<br>1 huraian<br>= 1m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 3 | (a) | (i) | **Dua** rukun sembelihan ialah:<br><br>- Penyembelih<br>- Binatang sembelihan<br>- Alat sembelihan | 2 isi x 1m<br>= 2m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | **Dua** perkara sunat sembelihan ialah :<br><br>- Penyembelih menajamkan pisau.<br>- Penyembelih menyembelih pada waktu siang.<br>- Penyembelih / binatang sembelihan menghadap ke arah kiblat.<br>- Membaca basmalah ketika permulaan sembelih.<br>- Membaringkan binatang sembelihan pada rusuk kiri. | 2 isi x 2m = 4m |
| | | (iii) | Sebuah pusat penyembelihan ayam dikenalpasti menyembelih ayam dengan menggunakan renjatan elektrik terhadap binatang sembelihan. Huraikan hukum sembelihan tersebut.<br><br>Cadangan isi :<br><br>- Hukum sembelihan itu tidak sah.<br>- Hukum sembelihan itu haram.<br><br>Contoh jawapan<br><br>Hukum sembelihan tersebut adalah tidak sah(I). Hal ini kerana tidak menyembelih binatang secara syarak dengan memutuskan urat halqum dan urat merih(H). Kesannya, binatang sembelihan tersebut tidak halal dimakan(HL). Kesimpulannya, kita hendaklah melakukan penyembelihan yang betul supaya kita tidak makan makanan yang haram (K). | 4m |
| | (b) | (i) | Maksud faraid ialah pembahagian harta seorang Islam yang telah meninggal dunia/1m kepada anggota warisnya / menurut hukum syarak./1m<br><br>Catatan:<br>Keratan satu wajib ada, diikuti mana-mana satu keratan seterusnya. | 1isi x 2m =2m |
| | | (ii) | Syarat sah bagi waris dalam pembahagian harta ialah :<br><br>- Waris masih hidup.<br>- Mengetahui status hubungan dengan si mati. | 2 isi x 2m = 4m |
| | | (iii) | **Dua** hikmah pensyariatan faraid ialah :<br><br>- Mengelakkan berlaku pertelingkahan dalam pembahagian harta/1m agar tidak menjejaskan kebahagiaan dalam keluarga./1m<br>- Menjamin kelangsungan hidup waris/1m selepas kematian orang yang mewarisi harta./1m<br>- Menegakkan keadilan bagi pihak waris/1m supaya tidak ditipu oleh pihak yang tidak bertanggungjawab./1m<br>- Mengekalkan kasih sayang/1m dalam kalangan anggota keluarga./1m | 2 isi x 2m = 4m<br><br>1 isi = 1m<br>1 huraian = 1m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 4 | (a) | (i) | Sejarah Kerajaan Bani Umaiyyah :<br><br>Asal penubuhan : bersempena nama Uamiyyah Bin Abdu Syams Bin Abdul Manaf, iaitu salah seorang daripada pemimpin keturunan Quraisy.<br>Pengasas : Muawiyah Bin Abi Sufian.<br>Tempoh pemerintahan : Tahun 41H - 132H<br>Keluasan kerajaan : Meliputi sebahagian besar benua Afrika, Asia dan Eropah.<br>Bilangan khalifah : 14 orang.<br>Khalifah terkenal : Muawiyah Bin Abi Sufian, Abdul Malik Bin Marwan, Al-Walid Bin Abdul Malik.<br>Khalifah pertama : Muawiyah Bin Abi Sufian.<br>Khalifah terakhir : Marwan Bin Muhammad.<br>Pusat pemerintahan : Damsyik, Syria. | 2 isi x 1m = 2m |
| | | (ii) | **Dua** sumbangan salah seorang daripada khalifah berikut ialah:<br><br>a) Muawiyah Bin Abi Sufian :<br>- Menjadikan Damsyik sebagai pusat pemerintahan Islam yang terkenal.<br>- Mewujudkan perkhidmatan pos berkuda ( Dewan al-Barid ).<br>- Memperkenalkan cop mohor rasmi Kerajaan Umaiyyah (Dewan al-Khatim).<br>- Menubuhkan jawatan setiausaha ( Dewan ar-Rasail ), jabatan cukai dan jabatan urusan awam.<br>- Memperkasakan armada laut.<br><br>b) Abdul Malik Bin Marwan :<br>- Menetapkan Bahasa Arab sebagai bahasa rasmi dalam urusan pentadbiran negara.<br>- Mencetak mata wang dinar Islam pertama bertulisan Arab dan berteks Al-Quran.<br>- Menaiktaraf perkhidmatan pos dan sistem pengangkutan awam.<br>- Menubuhkan Dewan al-jund untuk mengurus pertahanan negara.<br>- Mengarahkan pembinaan Qubbatus Sokhrah di Baitul Maqdis.<br><br>c) Al-Walid Bin Abdul Malik :<br>- Pembukaan wilayah baharu Islam seperti Andalus / India.<br>- Memperbaik / mencantikkan seni bina Masjid Nabawi.<br>- Membina banyak masjid baharu seperti Masjid Umawi di Damsyik yang bercirikan seni bina Islam.<br>- Memberikan perhatian kepada rakyat yang berkeperluan khas seperti golongan warga emas dan orang buta dengan menubuhkan jabatan khas.<br>- Menggalakkan pembinaan bangunan baharu bercirikan seni bina Islam.<br>- Memperbaik jalan raya menuju ke negeri Hijaj bagi memudahkan perjalanan jemaah haji ke Baitullah al-Haram. | 2 isi x 2m = 4m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (iii) | **Dua** faktor kegemilangan pemerintahan Kerajaan Umaiyyah :<br><br>**Agama**<br>- Khalifah Umar Bin Abdul Aziz telah menyemarakkan aktiviti keilmuan/1m seperti pengajian Al-Quran dan pembukuan hadis./1m<br>- Khalifah Walid Bin Abdul Malik telah menaiktaraf / membina institusi masjid/1m seperti Masjid Nabawi untuk merancakkan aktiviti keagamaan./1m<br><br>**Politik**<br>- Pemilihan Damsyik yang strategik sebagai pusat pemerintahan/1m oleh khalifah Muawiyah Bin Abi Sufian telah berjaya mengukuhkan pentadbiran negara./1m<br>- Pelantikan gabenor yang berwibawa/1m berjaya menghapuskan pemberontakan oleh puak Khawarij dan Syiah./1m<br>- Berjaya meluaskan wilayah Islam/1m seperti di Rom, China, India, Afrika Utara dan Eropah./1m<br><br>**Ekonomi**<br>- Pengurusan Baitul mal yang cekap/1m sehingga hasil pendapatan negara melebihi keperluan contohnya pada zaman khalifah al-Walid Bin Abdul Malik./1m<br>- Kerajaan berjaya memanfaatkan hasil daripada pertanian / perdagangan/1m untuk membangunkan negara./1m<br><br>**Sosial**<br>- Penjagaan kebajikan rakyat/1m menerusi bantuan kepada golongan yang memerlukan dan penyediaan kemudahan asas seperti masjid, jalan raya dan hospital./1m<br>- Hubungan erat antara pemimpin dan rakyat/1m telah mewujudkan suasana perpaduan / harmoni dalam masyarakat./1m<br><br>**Ketenteraan**<br>- Pasukan angkatan tentera yang berdisiplin dan bersemangat jihad/1m dalam mempertahankan agam dan negara./1m<br>- Kemudahan pangkalan tentera dan kapal perang yang lengkap/1m dengan peralatan perang yang canggih./1m<br>- Adaptasi strategi peperangan/1m dengan meniru corak gerakan daripada Parsi dalam ketenteraan./1m<br><br>**Pendidikan**<br>- Menjadikan masjid dan istana sebagai pusat perkembangan ilmu pengetahuan/1m untuk menjamin rakyat berilmu./1m<br>- Galakan daripada khalifah Abdul Malik Bin Marwan dan Umar Bin Abdul Aziz/1m agar rakyat menguasai pelbagai ilmu nakli seperti Al-Quran, tafsir, hadis dan nahu./1m<br><br>Catatan : Isi jawapan boleh diambil daripada mana-mana aspek. | 2 isi x 2m = 4m<br><br>1 isi = 1m<br>1 huraian = 1m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (b) | (i) | Riwayat hidup secara ringkas ialah:<br><br>Nama : Ahmad bin Muhammad Ibrahim<br>Tarikh lahir : 15 Mei 1916<br>Tempat lahir : Singapura<br>Tarikh meninggal dunia : 17 April 1999<br>Gelaran : Profesor Emeritus Tan Sri Doktor<br><br>**Pekerjaan :**<br>- Pensyarah Kuliah Undang-undang di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia<br>- Hakim Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Syariah<br><br>**Ketinggian akhlak :**<br>- Suka menyebarkan ilmu<br>- Menjaga etika keadilan ketika mengendalikan kes perbicaraan<br><br>**Tahap Pendidikan:**<br>- Victoria Bridge School<br>- Raffles Institution, Singapura<br>- Raffles College , Singapura<br>- Universiti of Cambridge<br><br>Catatan :<br>- Jawapan untuk pekerjaan hanya satu jawapan sahaja diterima.<br>- Jawapan untuk ketinggian akhlak hanya satu jawapan sahaja diterima.<br>- Jawapan untuk pendidikan hanya satu jawapan sahaja diterima.<br>- Tulis tahun sahaja untuk tarikh lahir dan tarikh wafat diterima. | 2 isi x 1m = 2m |
| | | (ii) | **Dua** sumbangan beliau dalam bidang perundangan ialah:<br><br>- Anggota Panel Pengasas Kuliah Undang-undang di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.<br>- Pengasas dan penggubal Enakmen Undang-Undang Islam (Hudud dan Qisas) Kelantan pada Tahun 1991. | 2 isi x 2m = 4m |
| | | (iii) | Ahmad Bin Ibrahim mempunyai ketinggian akhlak dengan suka menyebarkan ilmu yang dimiliki.<br><br>Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah anda mencontohi ketinggian akhlak tersebut.<br><br>Cadangan isi:<br>- Berkongsi ilmu dengan rakan-rakan<br>- Belajar dalam kumpulan<br>- Sentiasa mengajar rakan-rakan yang kurang berkebolehan. | 4m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | Contoh jawapan :<br><br>Saya akan berkongsi ilmu yang dimiliki dengan rakan-rakan sekelas. (I) Hal ini kerana apabila kita berkongsi ilmu dengan rakan-rakan ,ilmu kita akan berkekalan dalam minda kita.(H) Kesannya kita akan memperoleh keberkatan dalam menuntut ilmu kerana tidak lokek dengan ilmu yang dikurniakan Allah SWT.(HL) Konklusinya, saya akan sentiasa menuntut, menyebar dan beramal dengan ilmu yang ada agar diberkati Allah SWT.(K) | |

